

**PROGRAM PENDIDIKAN DAN PENDEKATAN PENGAJARAN
WARGA EMAS DI INSTITUSI PONDOK : KAJIAN
DI PONDOK AL-RAHMANIAH, KEDAH**

Mariam binti Abd. Majid
mariam@kuis.edu.my
0193501617

Muhammad Akmal Wafi Bin Azizmai @ Azmi
akmal_131@yahoo.com

ABSTRAK

Terdapat kecenderungan penghijrahan golongan warga emas ke institusi pondok bertujuan mendalami dan mengamalkan ilmu-ilmu agama. Pondok Al-Rahmaniah merupakan salah sebuah institusi pondok terkenal yang menjadi tumpuan pengajian golongan warga emas di akhir usia mereka. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan mengenalpasti program pengajian yang diikuti serta pendekatan pengajaran oleh golongan warga emas di Pondok Al-Rahmaniyyah. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Metodologi kaedah pengumpulan data ialah melalui temubual separa struktur yang melibatkan seramai seorang pentadbir dan dua orang warga emas yang terlibat secara langsung pelaksanaan program pendidikan di Pondok Ar-Rahmaniah. Pemilihan sampel dibuat melalui kaedah persampelan bertujuan. Data bagi kajian dianalisis secara deskriptif setelah melengkapkan transkripsi, proses membentuk tema dan pengkodan data yang disusun secara terperinci. Program pengajian warga emas di Pondok al-Rahmaniah mengambil kira keadaan serta kemampuan warga emas. Pengajian dilaksanakan secara berkitab dalam mata pelajaran tauhid, fekah, tasawuf, nahu serta sorof. Kaedah pengajian bagi golongan warga emas dikendalikan secara teori dan amali. Pelaksanaan program pendidikan di pondok ini telah mendorong pengamalan ajaran agama dalam kehidupan seharian warga emas.

Kata kunci : Program Pendidikan, Pendekatan Pengajaran, Warga Emas, Institusi Pondok, Pondok Al-Rahmaniah

1.0 PENDAHULUAN

Dasar Warga Emas Negara yang menjelaskan bahawa warga emas adalah mereka yang umur melebihi 60 tahun. Di negara maju dan membangun, takrifan warga emas ialah mereka yang melebihi 65 tahun disebabkan oleh taraf ekonomi, pendidikan, taraf kesihatan yang lebih tinggi, kemudahan perubatan yang lebih mantap dan jangka hayat yang lebih panjang, berbanding dengan negara yang sedang membangun (Nor Raudhah, 2015).

Golongan warga emas berhadapan dengan banyak perubahan antaranya peranan, fizikal, psikologi, sosial dan keupayaan diri. Terdapat sebahagian golongan warga emas yang mengalami keadaan kesepian dan kemurungan di usia tua mereka. Antara faktor berlaku keadaan ini disebabkan hidup bersendirian, kurang hubungan akrab keluarga, budaya serta ketidakupayaan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan (Singh & Misra, 2009).

Persoalan warga emas menjadi antara isu penting dalam pelan pembangunan negara pada hari ini. Trend peningkatan peratus warga emas di Malaysia meningkat daripada 5.7% pada tahun 1990 kepada 6.3% pada tahun 2000. Pada tahun 2020, jumlah warga emas di negara ini dijangka meningkat kepada 3 juta iaitu kira-kira 10.0% daripada

anggaran 32 juta penduduk (Norazam, 2000). Pertumbuhan pesat penduduk yang lebih tua adalah disebabkan kewujudan pembangunan sosio-ekonomi (Tengku, 2015), teknologi perubatan, peningkatan taraf hidup, penurunan kadar mortaliti, kemerosotan fertiliti, peningkatan tahap pendidikan dan peningkatan kesedaran terhadap kepentingan kesihatan. Peningkatan statistik warga emas di Malaysia dari tahun ke tahun ini memerlukan tumpuan serius dengan mengenalpasti keperluan mereka dan tidak boleh dikesampingkan dalam kehidupan bermasyarakat. Fenomena ini menuntut keprihatinan semua pihak dalam menyediakan lebih banyak kemudahan serta perkhidmatan (Syed & Mustafa, 2013) untuk memenuhi keperluan mereka yang sudah tua (Che Leman, 1995).

2.0 LATARBELAKANG KAJIAN

Institusi pondok menjalankan pelbagai aktiviti berbentuk keagamaan dalam proses membantu menyebarkan kefahaman Islam dalam jiwa anggota masyarakat pada sebelum dan zaman awal selepas merdeka (Ruslina Bakar, 1999). Pada hari ini, wujud pelbagai pondok dibina sebagai institusi untuk menimba ilmu pengetahuan dalam kalangan warga emas. Terdapat kecenderungan sebahagian golongan warga emas yang berhijrah ke institusi pondok untuk mengikuti program pendidikan yang disediakan (Mariam et.al, 2017). Program pendidikan di pondok merupakan antara usaha menyediakan pelbagai persiapan bekalan khususnya kepada warga emas melaksanakan amalan agama bagi memenuhi keperluan rohani. Elmi & Zainab (2013) menyatakan bahawa warga emas mengalami masalah dalam mengamalkan amalan agama dengan sempurna atau dengan kata lain pengamalan agama dalam kalangan warga emas adalah terbatas (Elmi & Zainab, 2013).

Pondok Al-Rahmaniah yang ditubuhkan pada tahun 2003 merupakan salah sebuah institusi pondok yang tersohor menyediakan pengajian bagi golongan warga emas di Negeri Kedah. Sehubungan itu, penulisan artikel ini mengenalpasti faktor-faktor warga emas memilih pondok al-Rahmaniyyah sebagai destinasi mengikuti program pengajian dan apakah program pendidikan serta pendekatan pengajaran warga emas yang dilaksanakan di Pondok Al-Rahmaniyyah, Kedah.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Institusi pondok Pondok al-Rahmaniyyah dipilih menerusi kaedah persampelan bertujuan iaitu sebuah institusi pondok tersohor dan menawarkan program pengajian kepada golongan warga emas. Data kajian dikumpulkan menerusi kaedah temubual separa struktur sebagai instrumen kajian. Dalam proses ini, tiga orang informan ditemubual iaitu pihak pentadbir yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran pondok al-Rahmaniyyah serta dua orang informan warga emas yang mengikuti pengajian di pondok al-Rahmaniyyah. Dalam kajian ini, informan-informan kajian ditandakan dengan R1, R2 dan R3. Pemilihan sampel dalam kajian ini dipilih secara bertujuan iaitu *purposive sampling*. Antara ciri pemilihan sampel kajian ialah mewakili pihak pentadbir pondok al-Rahmaniyyah dan warga emas yang mengikuti program pendidikan di pondok al-Rahmaniyyah. Dalam kajian ini, kajian rintis telah dilakukan bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan terhadap soalan temu bual yang dibina bagi setiap soalan yang menjawab objektif kajian. Hasil kiraan Cohen Kappa menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang dicapai ialah sebanyak 1.0 iaitu tahap indikator pada

tahap yang tinggi. Proses penganalisisan data dilakukan dengan menyusun dapatan kajian sesuai dengan tema dan bahagian yang telah dibina bagi tujuan kajian.

4.0 PONDOK PONDOK AL-RAHMANIYYAH KEDAH

Pondok Ar-Rahmaniah dikendalikan oleh Almarhum Tok Guru Haji Salleh bin Musa atau lebih dikenali sebagai Tok Guru Haji Salleh. Pada tahun 1964, selepas tamat pengajiannya, Tok Guru pulang ke tanah air untuk mencurahkan ilmunya dengan berkhidmat membantu mengajar di pondok milik bapa beliau di Sik, Kedah. Seterusnya, beliau menggantikan ayah beliau sebagai mudir pondok tersebut yang diberi nama Pondok Ar-Rahmaniah. Pondok Ar-Rahmaniah terletak di Seberang Pekan Sik, Kedah Darul Aman. Ianya juga dikenali oleh masyarakat di sekitar negeri Kedah sebagai Pondok Haji Salleh (Dokumen Pondok Ar-Rahmaniah, 2017).

Sultan Kedah telah anugerahkan beberapa pingat kebesaran kepada Almarhum Tok Guru Pondok Al-Rahmaniyyah antaranya ialah Tokoh Pendakwah Negeri Kedah tahun 2009. Pada tahun 2010, Menteri Besar Kedah, YAB Ustaz Azizan Abd Razak telah menganugerahkan Tokoh Pondok Negeri Kedah. Seterusnya pada tahun 2011, beliau dinobatkan Tokoh Ilmuan Daerah Sik oleh Tok Pegawai Daerah Sik (Dokumen Pondok Ar-Rahmaniah, 2017).

5.0 FAKTOR PEMILIHAN WARGA EMAS TERHADAP PONDOK AR-RAHMANIAH

Hasil dapatan kajian mendapati terdapat beberapa faktor pemilihan warga emas mengikuti pengajian di pondok Ar-Rahmaniah iaitu ;

i. Berdekatan Keluarga

Kedudukan pondok al-Rahmaniyyah yang berhampiran dengan keluarga merupakan antara faktor golongan warga emas yang mengikuti pengajian di pondok al-Rahmaniyyah. Warga emas di pondok menjelaskan bahawa *“..warga emas bukan memilih pondok sangat, sebab pilih kerana dekat dengan keluarga...”* (R2)

ii. Kemudahan Yang Disediakan

Selain faktor lokasi pondok berdekatan dengan keluarga, faktor kemudahan yang disediakan di pondok Al-Rahmaniyyah sesuai dengan keperluan warga emas merupakan faktor pemilihan warga emas terhadap pondok al-Rahmaniyyah. Kemudahan yang disediakan memudahkan warga emas melakukan amal ibadat dengan selesa dan tenang. Sekaligus warga emas berupaya menguruskan diri dengan baik seperti yang telah dinyatakan *“..warga emas bukan memilih pondok sangat, sebab pilih kerana tempat yang banyak kemudahan kat pondok sebab nanti senang untuk warga emas..”* (R2)

iii. Ketokohan tok guru

Faktor ketokohan tok guru turut menjadi faktor warga emas memilih Pondok Ar-Rahmaniah. Warga emas juga menitikberatkan identiti yang dimiliki oleh “Tok Guru” sebelum pemilihan pondok dilakukan. Hal ini telah dinyatakan oleh R3 yang mengatakan *“..warga tua ni memilih juga pondok yang tok guru nya baik dan hebat dalam menyampaikan ilmu..”* (R3)

Tok Guru memainkan peranan yang penting dalam pengajaran ilmu dan menjadi ikon utama yang dilihat oleh warga emas dalam pemilihan pondok.

iv. Pengajian Mengikut Keperluan Warga Emas

Pengajian yang disediakan sesuai dengan keperluan golongan warga emas menjadi faktor pemilihan pondok al-Rahmaniyyah. R2 menyatakan “.. *tujuan mai untuk mendalami ilmu laa.. sebab kat sini dekat ada kemudahan dan cari yang mudah faham.. ada jugak kawan-kawan yang dia pi banyak pondok yang mana mudah paham, kalau rasa mudah paham dia letak situ lah.. kemudahan faham ilmu yang sesuai dengan dia la.. kami nak menuntut ilmu dan pilih yang senang paham..*” (R2)

Informan menyatakan bahawa warga emas cenderung memilih pondok al-Rahmaniyyah kerana pengajian ilmu agama yang disediakan oleh pihak Pondok Ar-Rahmaniah mudah difahami. Faktor usia yang kian meningkat bukan halangan bagi warga emas menuntut ilmu untuk kefahaman diri tentang Islam.

Adalah didapati terdapat beberapa faktor pilihan warga emas memilih pondok. Antaranya ialah faktor berdekatan keluarga, kemudahan yang disediakan selaras dengan keperluan warga emas, ketokohan tok guru dan ada pengajaran khusus yang dapat difahami oleh warga emas.

6.0 PROGRAM PENDIDIKAN WARGA EMAS DI PONDOK AL-RAHMANIYYAH

Program pendidikan warga emas di pondok Al-Rahmaniyyah ini mengemukakan pengajian yang dipelajari serta kitab rujukan yang digunakan dalam pengajian. Pondok Al-Rahmaniyyah menyediakan beberapa pengajian khusus bagi golongan warga emas iaitu pengajian ilmu tauhid, ilmu fekah, ilmu tasawuf dan ilmu nahu serta sorof.

i. Pengajian Ilmu Tauhid

Pengajian ilmu tauhid dilaksanakan di pondok al-Rahmaniyyah melalui bimbingan tok guru di pondok. Temubual bersama wakil pentadbir pondok Al-Rahmaniyyah R1 menjelaskan bahawa pengajian di pondok memberi penekanan kepada pengajian tauhid “..*yang utamanya disini tok guru menekankan ilmu tauhid.. ilmu tauhid ialah raja ilmu kata Almarhum Tok Guru.. jadi kenapa ditekankan ilmu akidah atau tauhid ni?.. kerana la ni banyak aliran yang boleh merosakan akidah umat Islam.. di sini tok guru menekan pengajian tauhid seperti kitab Bakaratul Amani, kitab Faridah, kitab Misbahu Munir.. semua kitab ni tekankan ilmu tauhid lah..*”(R1)

Menurut R1 pengajian ilmu tauhid diberi penekanan khusus dalam pengajian di pondok bagi mengukuhkan pegangan warga emas ekoran kewujudan pelbagai aliran yang lahir merosakkan akidah umat Islam. Antara kitab-kitab pengajian tauhid yang digunakan ialah *kitab Bakaratul Amani, kitab Faridah* dan *kitab Misbahu Munir*.

ii. Pengajian Ilmu Fekah

Program pendidikan warga emas di pondok al-Rahmaniyyah turut memberi penekanan kepada pengajian fekah. Ini dinyatakan oleh R1 “...*kemudian ada juga belajaq ilmu fekah seperti kitab Bahrul Mazi...semua yang kaitan dengan kitab fekah dibelajaq disini..*”. Temubual ini menjelaskan bahawa Kitab *Bahrul Mazi* digunakan sebagai kitab rujukan pengajian fekah golongan warga emas di Al-Rahmaniyyah ini. Pengajian fekah membincangkan berkaitan aspek hukum.

iii. Pengajian Ilmu Tasawuf

Warga emas berpeluang menuntut ilmu dalam bidang tasawuf dalam pengajian di pondok al-Rahmaniyyah. Pengajian tasawuf diberi penekanan bertujuan meningkatkan ilmu pengetahuan dan memperbaiki diri kepada keadaan yang lebih baik. Pihak pondok sangat menitikberatkan penerapan pengajian ilmu tasawuf dalam pemilihan mata pelajaran yang diajar kepada golongan warga emas bagi melengkapkan pendidikan dalaman diri. Informan R2 menjelaskan “ *..kemudian ilmu tasawuf seperti kitab penawar bagi hati.. jadi kata tok guru baca untuk melengkapi bab-bab akhlak..*” (R2).

R2 menjelaskan bahawa pengajian tasawuf berperanan sebagai penawar bagi hati dan melengkapkan aspek akhlak dalam kehidupan.. Berdasarkan kenyataan temubual ini dijelaskan bahawa pengajian di pondok sangat menitik beratkan aspek ilmu tasawuf khususnya dalam usaha menjaga hati, ibadah serta akhlak seseorang individu. Pendidikan tasawuf merupakan antara kaedah pendidikan sufi yang mengutamakan aspek pembersihan hati dalam pengajian yang dilaksanakan.

iv. Pengajian Ilmu Nahu dan Sorof

Pengajian ilmu nahu dan sorof merupakan mata pelajaran asas dalam mempelajari bahasa Arab. Ilmu asas pengajian bahasa Arab ini tidak ketinggalan disediakan dalam pembinaan program pendidikan golongan warga emas di pondok al-Rahmaniyyah ini. Dalam temubual bersama R2 menjelaskan “ *...kemudian juga ilmu-ilmu alat seperti yang ditekankan tok guru ilmu nahu dan sorof seperti Matan al Jurumiah, Matan al Fathoni.. ibu dan bapa ilmu inilah untuk memahami sebenar yang ditulis oleh pengarangnya.. disyorkan oleh tok guru..*”

Pengajian bahasa Arab merupakan ilmu alat yang dibekalkan kepada golongan warga emas di pondok al-Rahmaniyyah ini. Beberapa kitab digunakan dalam pengajian ilmu nahu dan sorof yang diterangkan oleh tok guru kepada warga pondok. Oleh itu, keperluan mempelajari iaitu *Matan al Jurumiah* dan *Matan al Fathoni*. Ilmu nahu dan sorof perlu bagi warga emas untuk mempelajari dan mendalami kitab yang dikarang dalam bahasa Arab. Namun, pengajaran mata pelajaran nahu dan sorof tidak ditekankan kepada warga emas kerana memahami keupayaan diri yang dialami oleh warga emas.

Demikianlah berdasarkan temubual yang dijalankan, didapati bahawa pengajian yang diikuti golongan warga emas di pondok Al-Rahmaniyyah merangkumi pengajian ilmu akidah, fekah, tasawuf dan nahu serta sorof. Pihak pondok menyediakan pengajian yang sesuai dan lengkap bagi keperluan pendidikan warga emas.

7.0 BENTUK PENGAJARAN WARGA EMAS DI PONDOK AL-RAHMANIYYAH

Terdapat dua bentuk pengajaran yang diaplikasi terhadap warga emas di pondok Al-Rahmaniyyah iaitu teori dan praktikal. Antara pengajian berbentuk teori yang dilaksanakan ialah :

a. Pengajaran Berkitab

Pengajian di pondok lebih sinonim dengan pengajaran berasaskan kitab-kitab dan buku-buku yang dikarang oleh para ulama muktabar yang diajarkan oleh seorang guru. Warga emas di pondok Ar-Rahmaniah berpeluang mempelajari dan mendalami ilmu dengan bimbingan guru di pondok. Temubual bersama informan R1 di pondok menjelaskan berkaitan kaedah pengajian berkitab yang diaplikasi terhadap warga emas di pondok, “*“ antara program yang dilaksanakan di sini ialah kita warisi daripada Almarhum Tok Guru Hj Salleh Musa.. iaitu program menadah atau pengajian kitab..ini adalah bentuk pengajian utama di pondok ini.. siapa yang menadah?.. ialah penduduk berbagai lapisan umur termasuklah warga emas.. mereka adalah dikalangan yang pencen diantara umur 50, 55, 60 ke atas. ”*

Berdasarkan temubual tersebut, difahami bahawa pengajian berkitab merupakan program pendidikan yang wajib dan pengajian utama kepada warga di Pondok Ar-Rahmaniah. Kitab merupakan menjadi rujukan utama pengajaran warga emas di pondok mendalami ilmu agama. Pengajaran yang disediakan adalah bersumberkan kitab-kitab yang dipilih oleh tok guru bagi menyampaikan ilmu kepada seluruh warga pondok. Demikianlah, pengajian kitab suatu kaedah utama bagi menyampaikan ilmu di Pondok Ar-Rahmaniah.

b. Pengajaran Oleh Tok Guru

Setiap pondok mempunyai tok guru yang menyampaikan ilmu dan melaksanakan pendidikan kepada pelajarannya. Tok guru berperanan sebagai ketua tenaga pengajar bagi melaksanakan pendidikan kepada warga pondok. Penyampaian sesuatu ilmu ataupun pengajaran berpandukan kitab dan buku-buku mengikut mata pelajaran yang diajarkan dan ditetapkan oleh tok guru dan pihak pondok. Ini dinyatakan berkaitannya oleh salah seorang warga emas R2 di pondok “ *... semua yang belajaq disyarahkan oleh tok guru.. “ (R2)*

Kaedah pengajaran di pondok mengaplikasi pengajian berasaskan kitab kuning. Tok Guru membaca dua atau tiga baris ayat dalam kitab kuning dan seterusnya menghuraikan pengertian perenggan tersebut. Kaedah pengajian warga emas di pondok al-Rahmaniyyah berorientasikan tarbiyyah secara langsung daripada tok guru pondok. Tarbiyyah tok guru diterapkan terhadap seluruh kakitangan pentadbiran, tenaga pengajar sehinggalah kepada para pelajar di pondok. Demikianlah, adalah dilihat tarbiyyah tok guru diterima secara langsung oleh seluruh warga pondok dan mempunyai pengaruh yang sangat kuat.

Kenyataan diatas jelas menyatakan bahawa penyampaian ilmu kepada warga emas adalah melalui tok guru. Setiap guru mempunyai kaedah tersendiri dalam penyampaian ilmu kepada pelajarannya. Penyampaian tersebut adalah berlandaskan kitab rujukan yang ditetapkan oleh tok guru.

c. Jemputan penceramah luar

Institusi pondok merupakan tempat tumpuan dalam usaha penyebaran ilmu agama Islam. Pihak pondok turut membuat jemputan kepada penceramah luar dalam usaha menambah pelbagai ilmu pengisian pengajaran pendidikan di pondok al-Rahmaniyyah. Informan R2 menjelaskan berkaitan iaitu “*..kita juga mengadakan program mengaji ilmu agama penceramah jemputan yang ditetapkan hari nya.*

Tiap bulan dan pada minggu pertama.. kita ada guru yang mensyarahkan kitab daripada selatan Thailand.. bukan apa kita nak ilmu daripada guru yang lain, warga emas pun masuk sekali.. kita jemput buat program daurah perdana.. kemudian bila ada sambutan raikan maulid, Isra' dan Mikhraj kita jemput ulama yang dari luar untuk syarah dan berikan ilmu pondok..” (R2)

Penjelasan yang dinyatakan oleh R2 mengatakan bahawa warga emas di Pondok Ar-Rahmaniah bukan hanya menerima pendidikan di pondok malah ditarbiyah oleh guru-guru jemputan daripada luar bagi melaksanakan pengajian agama Islam terhadap seluruh warga pondok termasuklah warga emas. Hal ini membolehkan warga emas mempelajari dan mendalami ilmu pengetahuan yang disampaikan oleh guru-guru jemputan disamping dapat mempertingkatkan pengetahuan serta mempraktikkan dalam kehidupan seharian mereka.

d. Pengajian Praktikal

Di samping pengajian berbentuk teori, golongan warga emas di pondok Al-Rahmaniyyah juga menerima pengajian dalam bentuk praktikal antaranya ialah program luar pondok, amal jamaah dan khidmat masyarakat.

i. Program luar pondok

Program luar pondok dilakukan bertujuan memberi ruang kepada warga emas yang menetap di pondok melakukan aktiviti luar pondok disamping dapat melaksanakan ibadah fardu kifayah seperti solat jenazah di kawasan berhampiran menerusi jemputan daripada pihak organisasi mahupun individu. Ini dinyatakan oleh R1 bahawa ***“..kelaziman di sini bila ada suatu kematian dipanggil oleh pihak waris untuk solat jenazah.. sebab nak apa... yang kaitan dengan program kemasyarakatan masalah masyarakat dan bagi sumbangan kepada masyarakat setempat..” (R1)***

Solat jenazah merupakan antara salah satu aktiviti pengajian berbentuk praktikal yang dilaksanakan dalam pengajian warga emas di pondok al- Rahmaniyyah.

ii. Amal Jamaah

Aktiviti amal jamaah berasaskan konsep persaudaraan turut dilakukan dalam proses pengajian warga emas dipondok. Program gotong royong dan meraikan hari-hari kebesaran Islam adalah antara aktiviti praktikal yang dilakukan di pondok Al-Rahmaniyyah secara berjamaah. Dalam temubual bersama R1 ***“..ada jugak program berbentuk aktiviti seperti gotong royong di pondok, meraikan perayaan seperti maulid nabi, hari asyura bersama warga emas, sama-sama pada hari tu.. disitu kita praktik hukum fekah dan doa-doa serta laksanakan tahlil.. program-program ni sentiasa dilaksanakan di sini dulu hingga la ni..” (R1)***

Aktiviti dan program khidmat masyarakat ini banyak memberikan manfaat dan membawa kebaikan kepada warga emas kerana dapat memupuk semangat bekerjasama antara seluruh warga pondok serta dapat mendekatkan diri untuk menghayati Islam yang sebenar. Pondok Ar-Rahmaniah banyak menganjurkan gotong royong dan majlis hari-hari kebesaran Islam serta hari perayaan bagi menyambut bersama-sama warga pondok. Disamping itu, mereka turut berpeluang mempelajari ilmu-ilmu, dan hukum-hakam secara tidak langsung melalui tunjuk ajar oleh tok guru dalam setiap tindakan amal jamaah.

iii. Aplikasi Ilmu Pengetahuan

Pendekatan pengajian secara praktikal lebih sesuai kepada warga emas berujuan memudahkan mereka menerima dan memahami pengajaran dengan baik. Di samping itu, warga emas dapat mempraktikkan secara praktikal ilmu pengetahuan yang telah dipelajari. R1 menyatakan bahawa *“...mereka juga belajar dari segi amali contohnya program solat berjemaah.. disitu praktiknya rukun-rukun qaulinya, fiqli nya untuk melihat sendiri dengan perlakuan-perlakuan tok guru.. sebab kita belajar dengan teori tak sama dengan amali ni.. program ini sebenarnya mengukuhkan lagi ilmu pengetahuan dan kefahaman mereka yang kaitan dengan kitab fekah contohnya.. “ (R1)*

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh R1 membuktikan bahawa pendekatan pengajian yang diamalkan oleh pihak Pondok Ar-Rahmaniah bukan sekadar berbentuk teori malah diterjemahkan dalam bentuk praktikal. Setiap pengajian yang dilaksanakan, tok guru menjadi rujukan kepada warga emas dalam setiap program pendidikan yang dijalankan. Selain penjelasan terhadap huraian kitab yang digunakan, pengajian warga emas turut memerlukan penerangan berkaitan cara pelaksanaan yang ditunjukkan dengan perbuatan terutama pengajian berkaitan fekah.

Demikianlah, program pendidikan warga emas di pondok al-Rahmaniyyah dilaksanakan dalam bentuk pengajaran teori dan praktikal sekaligus membolehkan warga emas memperolehi ilmu bagi mempraktikkan dalam kehidupan dengan lebih bermanfaat.

8.0 PENDEKATAN PENGAJARAN WARGA EMAS DI PONDOK AL-RAHMANIYYAH

Pengajaran terhadap warga emas memerlukan pendekatan khusus. Terdapat tiga pendekatan pengajaran yang diaplikasi di pondok al-Rahmaniyyah iaitu;

i. Tiada Paksaan

Pendekatan tidak memaksa diaplikasi para guru serta pihak pondok dalam pengajaran terhadap golongan warga emas. Pengajian warga emas di pondok tidak menekankan dan memberi paksaan dalam melaksanakan program pendidikan kepada warga emas. Hal ini kerana keupayaan diri yang dialami oleh warga emas disebabkan faktor umur yang semakin meningkat. ini bertujuan memudahkan warga emas memahami pembelajaran yang dilaksanakan supaya tidak membebankan warga emas dalam melaksanakan program pendidikan di pondok. Ini dinyatakan oleh R1 berkaitan pendekatan pengajaran terhadap golongan warga emas iaitu *“ ..tapi kita bagi warga emas kelonggaran, kalau depa boleh Alhamdulillah kalau tidak boleh bukan satu paksaan.. “ (R1)*

Berdasarkan pernyataan yang diberikan telah menggambarkan bahawa pihak pondok tidak memberikan paksaan dalam mengikuti program pendidikan kerana memahami keupayaan diri warga emas. Ini adalah dapat memberikan keselesaan warga emas berada di pondok.

Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh tok guru ini adalah amat penting bagi mengelakkan bebanan dan tekanan yang terpaksa dihadapi oleh warga emas. Hal ini

juga dapat merealisasikan tujuan warga emas berada di pondok bagi menuntut ilmu, beribadah serta mencari ketenangan jiwa.

ii. Mengambil kira keadaan warga emas

Pendekatan memahami keadaan warga emas merupakan pendekatan yang diberi perhatian dalam melaksanakan program pendidikan warga emas di pondok al-Rahmaniyyah. Memahami keadaan adalah salah satu cara yang baik dalam menyampaikan sesuatu ilmu pengetahuan kepada pendengar. Oleh itu, para guru memainkan peranan yang penting dalam penyampaian pendidikan terhadap warga emas. R1 menyatakan bahawa mengatakan “ *...pembelajaran sini warga emas tak ditekankan sangat oleh tok guru disebabkan faktor umur dan keupayaannya.. maksud saya macam ni... contohnya kita kata pengajian kitab yang berbahasa Arab warga pun boleh mengaji sekali, tapi pelajar muda diwajibkan menghafal, mentelaah dan mengaplikasikan dalam kelas serta disoalkan oleh guru tentang kitab itu.. depa datang sini lebih kepada beribadah bersama warga yang lain... “* (R1)

Penerangan yang diberikan oleh R1 menunjukkan bahawa pembelajaran yang dilaksanakan tidak dilihat sebagai membebankan kerana memahami keadaan yang dialami oleh warga emas. Ini disebabkan sesetengah warga emas mempunyai kelemahan dalam menghafal, mengingat dan membaca dalam melaksanakan program pendidikan.

Oleh itu, pendekatan pengajian yang dilaksanakan menitikberatkan tentang keadaan diri dan keupayaan warga emas dalam penerimaan program pendidikan yang dijalankan. Dalam memastikan warga emas terus iltizam dalam pengajian di pondok, pihak pondok Al-Rahmaniah sentiasa memastikan program pendidikan dikendalikan bersesuaian dengan kemampuan individu khususnya warga emas. Kaedah pengajian sedikit demi sedikit ini merupakan suatu kaedah yang sangat perlu serta sesuai dengan tahap dan keadaan warga emas.

iii. Komunikasi Dua Hala

Komunikasi dua hala penting khususnya dalam pelaksanaan pengajian bagi golongan warga emas. Menerusi temubual bersama warga emas menyatakan bahawa komunikasi dua hala diaplikasi dalam pengajian mereka. Faktor usia menjadikan cara pembelajaran terhadap golongan warga emas perlu disampaikan satu-persatu dan dalam suasana yang tenang kerana warga emas mudah mengalami gangguan emosi sekiranya mereka tidak dapat menerima pengajian dengan kaedah yang sesuai.

Demikianlah disimpulkan bahawa aplikasi pendekatan pengajian terhadap warga emas di pondok al-Rahmaniyyah dilaksanakan mengambilkira keadaan warga emas secara praktikal, tidak memberatkan atau paksaan, mengambil kira tahap dan keadaan warga emas dan secara dua hala.

9.0 CADANGAN PEMERKASAAN PROGRAM PENDIDIKAN WARGA EMAS DI PONDOK

Terdapat beberapa cadangan untuk memperkasakan program pendidikan warga emas di pondok-pondok antaranya adalah seperti berikut:

1. Menyediakan Model Program Pendidikan Warga Emas mengikut Keperluan dan Tahap Penerimaan warga emas
2. Mengadakan Penyelarasan dan Jaringan Institusi Pondok yang menawarkan program pendidikan terhadap warga emas.
3. Melancarkan kempen kesedaran kepentingan dan manfaat program pendidikan warga emas di pondok.

10.0 KESIMPULAN

Secara umumnya disimpulkan bahawa tujuan golongan warga emas berhijrah ke pondok Al-Rahmaniyyah bertujuan mendekatkan diri dengan Allah SWT, menimba ilmu sebagai bekalan akhirat serta memenuhi kehidupan dengan amal ibadah. Pengajian utama warga emas di pondok adalah ilmu tauhid, fekah, tasawwuf serta nahu serta sorof. Kaedah pengajaran warga emas di pondok adalah mengikut tahap dan keadaan warga emas yang dilaksanakan secara teori dan praktikal.

RUJUKAN

- Che Leman Bin Hamzah. (1996). *Warga Tua Di Malaysia: Satu Kajian Terhadap Persara-Pesara Kerajaan Di Wilayah Persekutok Kuala Lumpur Dan Selangor Darul Ehsan*. Laporan Penyelidikan Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Universiti Malaya; Kuala Lumpur.
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. (2013). *Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua Dengan Amalan Agama Di Rumah Kebajikan*. Jurnal Islamiyyat, 35(1), 20-21.
- Mariam Abd. Majid. (1996). *Kehidupan Orang-orang Tua di Pondok: Satu Kajian di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan*. Tesis Sarjana Muda Fakulti Usuludin, Universiti Malaysia, Malaysia.
- Norafzan Binti Awang. (2008). *Analisis Kualiti Hidup Warga Tua Persisir Pantai Negeri Terengganu*. Tesis Sarjana Sains, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu; Terengganu.
- Siren, N. R, 2015, Psikologi dan Penerimaan Warga Emas di kompleks Warga Emas al-Jenderami. *Jurnal Usuluddin*(41), 81.
- Singh. A & Misra N. (2009). *Loneliness, Depression And Sociability In Old Age*. Industrial Psychiatry Journal. 18(1), 51–55.
- Syed Abdul Razak & Mustafa Oma. (2013). *Pengalaman Perubahan Keluarga Dan Tingkat Fertiliti Di Sabah, Sarawak Dan Semenanjung Malaysia: Satu Analisis Dari Aspek Demografi*. Borneo Research Journal, University Of Malaya